

Headline **Loghat daerah punca lemah Bahasa Melayu**
 Date **22. Feb 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
 Section **Dlm Negeri** Article Size **357** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**



Loghat daerah punca lemah bahasa Melayu



MALAI YUNUS MALAI YUSOF



FARHAN NOR DIAYANA



SUJARHADI



DAHLIA GRATIA SETIYAWAN

Oleh NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 21 Feb. – Ramai kalangan anak Melayu gagal menguasai bahasa kebangsaan dengan baik berikutan pengaruh bahasa Inggeris dan loghat daerah yang digunakan secara meluas.

Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan, Datuk Dr. Hassan Ahmad berkata, sesetengah daripada mereka enggan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seba-

liaknya mencampuradukkan dengan bahasa Inggeris dan loghat daerah apabila bertutur.

“Mereka sepatutnya berfikir seperti orang Melayu ketika bercakap dan mengelakkan penggunaan bahasa Inggeris sekiranya tidak dapat perkataan yang tepat.

“Perbuatan beralih bahasa (*quote switching*) itu hanya menggambarkan penutur kurang perbendaharaan kata serta pengetahuan yang terhad dalam sesuatu perkara,” ujarnya.

Hassan selaku Ketua Juri dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu, Piala Timbalan Perdana Menteri 2008 peringkat separuh akhir berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas pertandingan itu di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Pertandingan akhir akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam esok dengan menampilkan tiga peserta dalam kategori nusantara dan lima dari kategori antarabangsa.

Pusingan separuh akhir hari ini menyaksikan tiga pemenang dalam kategori nusantara memperoleh markah lebih rendah daripada lima peserta kategori antarabangsa.

Mengulas perkara ini Hassan berkata, peserta antarabangsa lebih faham dan lancar bertutur bahasa Melayu berbanding peserta Melayu.

“Peserta antarabangsa tidak dipengaruhi dengan loghat daerah seperti yang berlaku di Malaysia dan kerana itu mereka menggunakannya sebagai bahasa ilmu yang tinggi mutunya,” jelasnya.

Kategori nusantara dimenangi peserta Brunei, Malai Yunus Malai Yusof, 38, yang memperoleh markah 77.43% manakala peserta Malaysia Farhan Nor Diayana, 21, menduduki tempat kedua dan Sujarhadi dari Indonesia mendapat tempat ketiga.

Dalam kategori antarabangsa pula, peserta China, Han Xiao menungguli kategori itu dengan markah 81% manakala Alena Bykova dari Rusia di tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Dahlia Gratia Setiyawan dari Amerika Syarikat.